

Cemas termometer pecah dalam makmal

LENGGONG - Pelajar sebuah Maahad Tahfiz, di sini, cemas apabila sebatang termometer pecah dalam makmal maahad tersebut, pagi semalam.

Begitupun, semua pelajar dan guru tidak mengalami sebarang kecederaan atau terkena radiasi bahan kimia dari termometer itu.

Tindakan pantas anggota pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Lenggong berjaya meneutralkan bahan radioaktif tersebut.

Ketua Operasinya, Meor Kamarul Hasri memaklum-

Anggota dimaklum terdapat bahan kimia tumpah di dalam makmal dan semua pelajar serta guru diarahkan keluar dari makmal."

- Meor Kamarul

kan anggota bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan berhubung kes itu pada jam 10.43 pagi semalam.

"Setibanya anggota di lokasi kejadian, anggota dimaklumkan terdapat bahan kimia telah tumpah di dalam makmal dan semua pe-

lajar serta guru diarahkan keluar dari makmal tersebut.

"Anggota memastikan tiada orang terkena radiasi dari termometer itu sebelum memulakan kerja-kerja membersihkan sisa merkuri.

"Seperti kebiasaannya anggota perlu memakai pakaian dan alatan khas untuk membersihkan bahan radioaktif itu," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Tambah beliau, sisa merkuri itu dimasukkan dalam beg plastik khas sebelum diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk tindakan lanjut.

"Operasi tamat sepenuhnya pada jam 11.28 pagi selepas anggota memastikan kawasan makmal benar-benar bebas dari tumpahan merkuri," katanya.

Kes termometer pecah kerap berlaku kebelakangan ini dan seharusnya perkara seperti ini perlu dipandang serius kerana merkuri merupakan bahan radioaktif berbahaya.



Anggota bomba melakukan pemeriksaan di kawasan termometer yang pecah di dalam makmal.